

KERATAN AKHBAR

NAMA : KOSMO (Negara) TARIKH: 28 DISEMBER 2017 M/S: 10

Bomba Selangor tubuh Kelab Ketua Balai

LANCAR. Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor bergerak selangkah ke hadapan dengan menubuhkan Kelab Ketua-Ketua Balai (KKB) dalam usaha meningkatkan lagi strategi berkaitan operasi keselamatan di negeri tersebut baru-baru ini.

Presiden Kelab, Azmel Kamarudin berkata, KKB ditubuhkan hasil inisiatif 34 ketua balai bomba di Selangor susulan negeri itu merupakan antara tertinggi menerima panggilan kecemasan membabitkan pelbagai kes.

Katanya, menerusi kelab ini semua ketua balai dapat bekerjasama dan berkongsi idea, strategi atau perancangan masa depan dalam menyelesaikan sesebuah kes dengan cepat dan selamat.

"Pegawai dan anggota bomba penyelamat mungkin mempunyai idea baharu yang



AZMI (duduk, tengah) bergambar bersama pegawai tertinggi dan sebahagian ketua balai sempena Majlis Makan Malam dan Pelancaran Kelab Ketua-Ketua Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor semalam.

segar dalam operasi menyelamatkan. Dengan adanya kelab ini, kita dapat bertukar pendapat tanpa mengetepikan polisi keselamatan yang perlu dipatuhi," katanya.

Pelancaran kelab tersebut disempurnakan oleh Pengarah Bomba Selangor, Azmi Osman di Hotel Blue Wave, Shah Alam baru-baru ini.